



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut:

Bil.	Pejabat Yang memanggil Tender	Nombor Tender Tajuk Projek	Taraf / Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Tender
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	JPS/N/KD/BPSP/02/2025 PROJEK MEROBOH DAN MEMBINA BARU JETI SELAT BAGAN PAUH SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN PULAU TUBA, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.	Bumiputera / T1	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah Gred: G6 Kategori: CE Pengkhususan: CE03 dan CE021	Kontraktor boleh memuat turun dokumen tender melalui sistem idaftar selepas pendaftaran dan pengesahan lawatan tapak dibuat. https://idaftar.kedah.gov.my 18.07.2025 (Jumaat) sehingga 07.08.2025 (Khamis)	RM200.00 (Tidak dikembalikan) Pembayaran perlu dibuat melalui Sistem idaftar (Pendaftaran Kontraktor dengan kerajaan Negeri Kedah adalah diWAJIBKAN melalui Sistem iDAFTAR)	Peti Tender Tingkat 9, Unit Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah, Bangunan Sultan Abdul Halim, 05000 Alor Setar, Kedah Darul Aman 10.08.2025 (Ahad) Jam 12.00 tengah hari

Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Taklimat Projek pada **17.07.2025 (KHAMIS) Masa 10.30 pagi**. Tempat berkumpul: **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Langkawi** dan Lawatan Tapak pada **tarikh yang sama pada jam 12.00 tengahari di Jeti Selat Bagan Pauh, Pulau Tuba, Langkawi**

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak tender **ADALAH DIWAJIBKAN**, hanya penama yang tercatat di dalam Sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ sahaja boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak berkenaan. Kontraktor / Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak di pejabat JPS Kedah dan JPS Langkawi semasa waktu pejabat. Jualan Dokumen Tender melalui sistem iDAFTAR. Hanya kontraktor yang mengesahkan kehadiran lawatan tapak dan hadir lawatan tapak sahaja layak membeli dokumen tender.

Kontraktor perlu membuat pendaftaran dalam sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>) bayaran yuran RM700.00 akan dikenakan kepada kontraktor bagi melayakkan untuk membeli dan masuk tender ini. Pembayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat melalui sistem iDAFTAR kedah. Dokumen Tender boleh dicapai secara atas talian setelah pendaftaran dan pembayaran dibuat hanya syarikat yang menyertai lawatan tapak sahaja layak membeli dokumen. Kehadiran lawatan tapak WAJIB disahkan oleh kontraktor sebelum atau pada **18.07.2025** melalui sistem idaftar dan semasa lawatan tapak kontraktor perlu membawa bersama sijil-sijil berkaitan bagi pengesahan semasa lawatan tapak.

*Jenis Syarikat :

T1 – Syarikat yang 100% milik tempatan

A1 – Syarikat yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan **ATAU** Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara tempatan.

A2 – Syarikat yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan **ATAU** Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara tempatan.